

長崎県 農泊体験 報告書

国籍
Malaysia
体験日時・場所
2023.09.30-2023.10.01 長崎県南島原市 Nagasaki Prefecture, Minami Shimabara
体験内容
<p>【Hari Pertama】</p> <p>Sekitar jam 10 pagi, kami menuju ke Shimabara dari platform Stesen Isahaya. Memandangkan sudah hampir dengan musim menuai padi sekitar bulan Oktober, dalam perjalanan menaiki tren, kami dapat melihat pemandangan persekitaran yang penuh dengan sawah padi . Selepas turun daripada kereta api, kami makan tengah hari di restoran Soba dan menuju ke kampung Minami Shimabara dengan menaiki bas di mana kami disambut mesra oleh beberapa orang yang bakal menguruskan kami. Kumpulan kami yang terdiri daripada empat orang dibahagikan kepada 2 lelaki dan 2 perempuan, dengan kumpulan lelaki yang akan membuat aktiviti pertanian dan perempuan menjadi nelayan.</p>  <p>Rajah 1 Pelabuhan Minami Shimabara</p> <p>Kami berdua mengikuti Encik Nakano ke inap desa dan sepanjang perjalanan tersebut, kami terpesona dengan keindahan alam semula jadi kampung itu.</p> <p>Rajah 1 menunjukkan sebuah pelabuhan yang terletak di sudut sebuah rumah persendirian di Bandar Minamishimabara. Penduduk di sini kebanyakannya adalah petani dan nelayan. Dikatakan juga dengan menaiki bot dari kawasan ini ke Kumamoto hanya mengambil masa selama 30 minit.</p>

Setelah sampai di 'homestay' dan meletakkan barang-barang kami, kami meneruskan aktiviti memancing selama lebih kurang dua jam di tengah laut berpandukan bot Encik Nakano. Kami telah diajar cara memancing yang betul dan cara untuk mengetahui sama ada ikan telah makan umpan atau tidak. Itulah kali pertama kami berdua menaiki bot nelayan, apatah lagi memancing di tengah lautan. Disebabkan pergerakan angin yang tidak menentu, jumlah ikan yang dapat dipancing tidaklah sebanyak yang seperti dijangkakan. Apa yang dapat kami pelajari pada ketika itu adalah memang benar bahawa memancing ini memerlukan kesabaran yang tinggi dalam konteks menunggu.

Disebabkan faktor angin dan arus laut yang tidak menentu, ada kalanya kami tanpa sengaja terpancing batu karang dan ada kalanya kail mata tersangkut pada bot itu sendiri. Malah, ada kalanya, umpan pancing hilang begitu sahaja. Namun, dengan pelbagai 'kesalahan' yang berlaku itu, kami dapat memahami perbezaan untuk membandingkan sama ada kail pancing itu dapat menangkap ikan ataupun sebaliknya.

Kami menetapkan matlamat untuk setiap orang menangkap 10 ekor ikan dalam masa dua jam dan kami berdua berjaya menangkap 10 ekor ikan! Terdapat juga ikan lain yang serupa dengan rockfish. Menurut Encik Nakano, jenis ikan yang boleh ditangkap di Jepun berbeza-beza bergantung pada musim, dan rockfish selalunya boleh ditangkap semasa perubahan musim dari musim panas ke musim luruh.



**Rajah 2 Syahirah Berjaya
menangkap ikan**

Sesaatnya kami pulang ke pelabuhan, Encik Nakano membawa keluar ikan kerisi merah yang telah ditangkapnya menggunakan pukot. Rockfish digunakan sebagai ulam untuk sup miso atau sashimi, kerisi pula dijadikan sebagai hidangan utama.



**Rajah 3 Ikan yang ditangkap
dengan pukot**

Seterusnya, Encik Nakano mengarahkan kami untuk menggunakan jaring ikan untuk mengambil semula ikan yang berjaya ditangkap. Beberapa ikan telah mati, tetapi ada yang masih hidup, dan ianya agak sukar untuk diambil kerana bimbang ia akan melompat keluar dari bekas tersebut. Selain ikan yang kami tangkap, ada juga ikan buntal yang telah ditangkap oleh Encik Nakano di dalam bekas yang sama, Encik Nakano memberitahu bahawa ikan buntal berbahaya kerana ia beracun, tetapi jika ia disiang dan dimasak dengan betul, ia boleh dimakan dengan selamat. Ikan buntal juga mengembungkan badan apabila merasakan dirinya terancam, tetapi semasa kami mengendalikannya, mereka tidak mengembung badan seperti yang diharapkan.



Rajah 4 Ikan yang berjaya ditangkap

Gambar ini diambil ketika Encik dan Puan Nakano, serta kami berdua dapat menangkap sejumlah 24 ekor ikan. Adalah kebiasaan untuk mengambil gambar orang yang datang ke 'homestay' dengan hasil tangkapan mereka. Foto yang diambil disimpan dalam album dan kami melihat koleksi album Encik Nakano dan tertarik dengan bilangan orang yang datang ke 'homestay' mereka. Sebelum pandemik koronavirus, ratusan orang setahun datang ke sini untuk mengalami 'kehidupan di kampung'. Selepas mengambil gambar ini, kami diajak untuk pergi kolam air panas berhampiran, dan sementara itu isteri Encik Nakano memasak berbagai jenis makanan untuk makan malam.



Rajah 5 Gambar di rumah Encik Nakano Bersama ikan yang dipancing

Ini merupakan bilik penginapan kami selama 2 hari 1 malam. Futon(sejenis tilam jepun) dan kelengkapan tidur disediakan untuk setiap seorang. Bilik ini sangat besar dan selesa,memberikan suasana rumah 'keluarga' .Bilik itu bersebelahan dengan tandas, terdapat juga cermin besar berhampiran yang boleh kami gunakan untuk mencuci muka dan menggosok gigi.



Rajah 6 Bilik penginapan

Kami berdua tidak pernah ke kolam air panas di Jepun, jadi kami diberi peluang untuk memasuki kolam air panas .Diatas sebab hal berkaitan agama ,kami berdua yang beragama Islam tidak memasuki kolam air panas terbuka dan memilih untuk memasuki kolam air panas bilik khas atau dipanggil sebagai bilik kolam air panas keluarga. Disebabkan kekangan masa, kami menghabiskan kira-kira satu jam sehingga jam 7 malam. Di dalam bilik tersebut,terdapat dua tab mandi, satu dalam dan satu di luar seperti di dalam gambar tersebut.Terdapat banyak kebaikan memasuki kolam air panas seperti melegakan sakit otot, melancarkan peredaran darah, dan menurunkan tekanan darah. Tidak hairanlah orang kampung sering datang ke sini setelah penat bekerja, terutama pada musim sejuk.



Rajah 7 Kolam air panas privasi

Selepas pulang dari kolam air panas, kami membantu isteri Encik Nakano menyediakan makan malam. Kami memasak ikan yang kami tangkap pada sebelah petang untuk makan malam dan sarapan pagi. Pelbagai hidangan makanan laut telah dihidangkan. Memandangkan penginapan kami hanya satu malam, kami tidak berkesempatan untuk memasak makan malam bersama isteri Encik Nakano dari awal.Oleh itu kami hanya dapat membantusedikit sahaja dalam penyediaan makanan. Rajah 8 menunjukkan Syahirah yang sedang membantu menggoreng ikan kerisi. Sambil menikmati makan malam ,kami mendengar kisah Encik Nakano dan isterinya tentang pengalaman dan kehidupan mereka di kawasan Shimabara. Setelah selesai makan, kami kembali ke bilik untuk berehat dan mengakhiri hari tersebut.



Rajah 8 Menggoreng ikan hasil tangkapan

【Hari Kedua】

Rajah 9 adalah sarapan pagi kami. Ini termasuk sup ikan kerisi, ikan kembung bakar, tempura ikan, chawan mushi, salad dan telur dadar jepun. Disebabkan beberapa hal berkaitan dengan ajaran agama Islam, kami tidak dihidangkan dengan makanan yang mengandungi sebarang alkohol dan makanan yang menggunakan daging. Setelah selesai makan, kami berjalan-jalan di sekitar kampung dan pelabuhan bersama Encik Nakano. Encik Nakano menunjukkan ladang strawberi kecil miliknya dan berkongsi pengalamannya sebagai nelayan dan situasi semasanya. Semasa berjalan, kami turut bertemu dengan seorang nelayan yang baru pulang dari laut dan kanak-kanak yang dalam perjalanan ke sekolah. Siliran tiupan angin yang lembut sangat menyegarkan diri pada pagi tersebut. Mengenangkan bahawa kami akan berpisah dengan Encik Nakano sebentar sahaja lagi agak menyedihkan kerana kami berdua sangat menyukai akan suasana di sini.



Rajah 9 Sarapan pagi

Selepas mengemas barangan dan berkumpul semula, kami mengambil gambar terakhir bersama kumpulan yang lain. Rajah 10 menunjukkan kami memegang bendera Malaysia. Kami mengucapkan selamat tinggal, berjabat tangan dan berpelukan sebelum berpisah. Lantas, kami meneruskan rancangan seterusnya iaitu mempelajari sejarah kedatangan Kristian di Shimabara. Sejarah agama Kristian di Jepun telah dijelaskan di Muzium Memorial Warisan Kristian Arima. Kami juga belajar tentang sejarah Istana Hara di muzium tersebut dan melawati kawasan peninggalan runtuh istana tersebut.



Rajah 10 Mengambil gambar kenangan

Dalam foto yang dipaparkan di sebelah, selepas mendengar sejarah dan kronologi Istana Hara daripada pemandu pelancong, kami semua berbasikal ke runtuhan Istana Hara. Menggantikan basikal elektrik yang telah disediakan, kami mengayuh kira-kira 10 minit ke tempat yang tersebut. Semasa berbasikal, kami dapat melihat keindahan laut dari runtuhan istana kerana Istana Shimabara dibina sebagai medan perang dan tempat yang sesuai untuk melawan pasukan musuh.



Rajah 11 Berbasikal ke kawasan peninggalan Istana Hara

Setibanya kami di kawasan Istana Hara, kami mendengar penjelasan tentang sejarah bagaimana istana tersebut diruntuhkan dan biografi Shiro Amakusa. Kami dapat melihat patung-patung yang diperbuat daripada aluminium dan mengetahui asbab mengapa ia diperbuat daripada aluminium. Lawatan ini sangat menarik kerana kami dapat mengetahui tentang pemberontakan rakyat pada suatu ketika dahulu, dan cerita bahawa tapak runtuhan istana semasa dipilih kerana ia merupakan lokasi yang strategik untuk serangan dan serangan balas terhadap musuh. Apabila difikirkan semula, tempat di mana kami berdiri adalah tapak perang, di mana beribu-ribu orang mati perang berbaring, dengan hanya tulang mereka yang tinggal sehingga mereka ditemui oleh ahli arkeologi adalah



Rajah 12 Mendengar taklimat tentang Sejarah Istana Hara

suatu perkara yang sangat tidak dapat dijelaskan perasaannya. Pemandu pelancong kami merupakan seorang yang sangat berpengalaman tentang kawasan ini dan memberikan penjelasan terperinci.

Selepas itu, kami pergi ke tempat terletak patung kayu ukiran Maria, ibu Jesus. Patung tersebut dikatakan kira-kira 10 meter tinggi dan mempunyai berat melebihi satu tan. Kami mendengar penerangan daripada pemandu pelancong yang dikhaskan di situ. Kami mempunyai peluang untuk menyentuh dan melihat ukiran kayu dari jarak yang dekat. Ia diukir dengan sangat cantik dan teliti, menunjukkan tahap dedikasi pengukirnya. Walaupun kami beragama Islam dan menganut agama yang berbeza daripada Kristian, kami tetap menghormati agama lain dan kami dapat belajar tentang budaya dan agama lain daripada penduduk di kawasan ini. Bukan itu sahaja, malah kami juga dapat melihat panorama Kota Shimabara



Rajah 13 Patung Maria

yang luas kerana kami berada di kawasan yang tinggi Ketika ini. Selepas itu, kami beredar dan dibawa ke tempat yang terdapat Patung Peringatan Keamanan kecil, sama seperti Patung Peringatan Keamanan yang besar di 'Peace Park', bandar Nagasaki, tetapi kerana kesuntukan masa, kami tidak berkesempatan untuk keluar dan melihatnya secara dekat. Maka dengan itu, berakhirlah aktiviti kami di Shimabara. Sebelum pulang ke bandar Nagasaki, kami berpeluang untuk melihat ikan lumba-lumba di kawasan sekitar dan akhirnya menaiki bas pulang ke bandar Nagasaki. Ini mengakhiri perjalanan satu malam dua hari kami di Kampung Shimabara.